

14 MAR 1999

SABAH: TAIB UCAP TAHNIAH KEPADA DR M ATAS KEMENANGAN

KUCHING, 14 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya Sabah yang berakhir semalam.

Dalam satu kenyataan, Taib menyifatkan kemenangan BN memperolehi 31 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri sebagai sebagai jelas dan meyakinkan.

"Kemenangan ini bermakna bahawa Sabah akan mempunyai kerajaan yang stabil hasil pemahaman yang jelas mengenai dasar negara dan dasar BN.

Taib juga telah berkempen membantu calon-calon BN semasa berada di Sabah.

Beliau juga melawat ke beberapa kawasan seperti Kawang, Pantai Manis, Likas, Petagas dan Senallang.

-- BERNAMA

AU SK FAZ